


Teater 6 dimensi

>>Oleh Norul Awatif Romli
am@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Penduduk sekitar Lembah Klang kini berpeluang merasai pengalaman menaiki roller coaster, memasuki rumah hantu dan suasana angkasa lepas melalui pergerakan simulasi enam dimensi (6D) apabila berkunjung ke teater XD di Perpustakaan Raja Tun Uda, di Seksyen 13, di sini.


Tarikan baru itu menjadikan Perpustakaan Raja Tun Uda sebagai satu-satunya perpustakaan di dunia yang memiliki kemudahan yang menawarkan kepada pengunjung dengan harga RM10 untuk satu slot situasi 6D lima minit dan pengunjung dibawa ke situasi yang menjangkau masa, ruang serta imaginasi.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhammad berkata, kelainan yang disediakan itu dijangka menarik minat orang ramai terutama golongan muda untuk mengunjungi perpustakaan selain menyasarkan kemudahan yang disediakan itu dinikmati semua pihak.



ARAHAN.. Penolong Pegawai Perpustakaan Raja Tun Uda menunjukkan papan tanda peraturan XD Theater.

>LIHAT MUKA 2



TERUJAN.. penonton merasai suasana sebenar seperti dalam cerita di bilik tayangan khas XD.

Gerakan kerusi ikut cerita

Penonton tayangan khas XD boleh rasai seolah-olah suasana sebenar seperti dalam cerita dipaparkan

Metro 19/10/12 Ms 2.

>DARI MUKA 1

Katanya, pendekatan yang dilaksanakan itu bertujuan mendidik golongan muda mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah.

"Bagi merasai suasana sebenar seperti dalam cerita, penonton dibawa masuk dalam bilik tayangan khas XD yang dilengkapi kerusi elektrik extreme digital (XD) yang boleh bergerak mengikut keadaan cerita ditayangkan.

"Selain itu, mereka dibekalkan cermin mata khas yang dapat memberi kesan sebenar seolah-olah berada di tempat berkenaan," ka-

tanya.

Mastura berkata, sebelum memasuki bilik tayangan 6D itu, penonton diberi taklimat ringkas mengenai ciri keselamatan yang perlu diberi perhatian bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku sepanjang filem ditayangkan.

Katanya, pihaknya amat menitik berat soal keselamatan setiap pengunjung dan disebabkan itu mereka disediakan ruang khas untuk menyimpan barang peribadi.

"Bilik tayangan ini dibuka setiap hari bermula jam 9 pagi hingga 7 malam manakala pada hujung minggu



TERUJA...penonton dalam bilik tayangan khas XD.

ia dibuka pada jam 10 pagi hingga 9 malam dan tutup pada hari cuti am.

"Sebagai langkah keselamatan, penonton dengan berat badan tidak melebihi 150 kilogram (kg) saja dibenarkan menaiki kerusi berkenaan kerana kerusi elektrik XD dilengkapi sistem yang bergerak sendiri apabila cerita mula ditayang," katanya.

Mastura berkata, kemudahan di perpustakaan itu adalah pertama yang di Malaysia kerana kerusi yang ditempah khas dari Kanada berkenaan menggunakan sistem elektrik berbanding tempat lain seperti di Universal Studio, Singapura dan Genting

Highlands yang menggunakan kaedah hidraulik (minyak).

"Di sini, kami juga menyediakan kemudahan bilik tayangan tiga dimensi (3D) dengan harga RM7 bagi setiap satu tayangan lengkap filem selama satu jam setengah.

"Bilik ini dilengkapi sofa empuk yang amat selesa buat pengunjung. Mereka juga dapat menonton bersama keluarga kerana filem yang ditayangkan berunsurkan kekeluargaan dan sesuai untuk semua peringkat umur," katanya.

Pengunjung, Safril Riza Samsuri, 39, berkata, penga-

laman pertama menonton filem simulasi 6D amat menyenangkan kerana dia merasakan seolah-olah berada di tempat sebenar filem ditayangkan.

Menurutnya, di samping menjadikan perpustakaan sebagai tempat untuk membaca dan mengulang kaji pelajaran, pelajar juga boleh menjadikan gedung ilmu berkenaan sebagai tempat beriadah dan melepas tekanan pada masa lapang.

Katanya, kemudahan bilik teater 6D yang disediakan pihak perpustakaan amat berkesan dalam mengurangkan masalah sosial di kalangan anak-anak muda sekarang.

"Dalam masa sama, ia boleh menanam minat golongan ini untuk sentiasa datang ke perpustakaan dan menghabiskan masa di sini selain melepak di kaki lima pusat beli-belah," katanya.

Sementara itu, menurut Mastura, selain kemudahan berhibur, perpustakaan berkenaan turut menyediakan tempat membaca untuk kanak-kanak, ruangan teknologi maklumat dan multimedia lain.

"Kami juga mempunyai mini gimnasium bagi memberi peluang kepada pengunjung membaca sambil beriadah dengan dikelilingi pemandangan hijau yang mendamaikan jiwa," katanya.